

## **Modul robot m-solat**

### **ABSTRAK**

Modul Robot M-Solat merupakan inovasi dalam bentuk modul yang dibangunkan khusus untuk pembelajaran dan pemudahcara (PdPc) solat fardu sekolah menengah. Modul ini dibangunkan menggunakan Penyelidikan Rekabentuk dan Pembangunan bagi menggabungkan pendekatan, kaedah dan BBM yang relevan dalam PdPc solat fardu dengan kos yang berpatutan. Keistimewaan modul ini merupakan modul PdPc solat fardu pertama menggunakan Robot M-Solat sebagai bahan bantu mengajar (BBM) berdasarkan pendekatan bersepadu yang menggabungkan pedagogi Pendidikan Islam dan Pembelajaran Abad ke-21. Modul ini berpotensi dikomersialkan dan memberi impak dalam bidang kurikulum dan kokurikulum. Dalam aspek penerbitan, lima artikel telah diterbitkan berkaitan modul ini. Modul ini telah mendapat notis pemberitahuan hakcipta daripada Perbadanan Harta Intelek Malaysia dan mendapat anugerah 'Gold' dalam EDUINNOVATION UKM 2020 dan PEREKA UMS 2020.